

22 FEB 2003

MALAYSIA UCAP TAHNIAH SEMPENA HARI KEBANGSAAN GUYANA

KUALA LUMPUR, 22 Feb (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Republik Guyana, Bharrat Jagdeo sempena hari kebangsaan ke-33 negara itu.

Dalam kenyataannya di sini, hari ini, Wisma Putra memaklumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga menghantar perutusan serupa kepada rakan sejawatan beliau, Samuel Hinds.

Dr Mahathir menyatakan harapan beliau di tahun-tahun akan datang Guyana akan nikmati lebih banyak kejayaan dan kemakmuran.

Dalam perutusan kepada rakan sejawatannya Rudy Insanally, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar melahirkan harapan untuk mengadakan kerjasama lebih erat bersama rakannya itu bagi memperkukuh dan mempelbagaikan hubungan antara kedua-dua negara.

-- BERNAMA

CL AZZ SP PR